

**KEDUDUKAN NAFKAH SEBAGAI HUTANG MENURUT HUKUM SYARAK DAN
UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM: ANALISIS PENGUATKUASAAN OLEH
BAHAGIAN SOKONGAN KELUARGA DI MALAYSIA**

***THE LEGAL STATUS OF MAINTENANCE AS A DEBT UNDER ISLAMIC LAW AND
ISLAMIC FAMILY LAW: AN ANALYSIS OF ENFORCEMENT BY MALAYSIA'S FAMILY
SUPPORT DIVISION***

ⁱ Hendun Abd Rahman Shah*, ⁱ Nadiatul Jannah Nazaruddin, ⁱ Wan Nurfaqihah Husna Wan Mazlan, ⁱ Aafa Zamri, ⁱ Wafa Syahmina Mohamad Sabir, ⁱ Nur Alia Alina Izham Haniff & ⁱ Khairul Anam Dahalan

ⁱ Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), 71800, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.

*(Corresponding author) e-mail: hendun@usim.edu.my

ABSTRACT

The enforcement of maintenance orders remains one of the major challenges within Malaysia's Islamic family law system, particularly when the party against whom the order is issued fails to comply with court directives. In addressing this issue, the Family Support Division (Bahagian Sokongan Keluarga, BSK) was established as an institutional mechanism to assist in the implementation and monitoring of maintenance orders issued by the Syariah Courts. This article aims to examine the obligation of maintenance according to Islamic law (hukum syarak) and Islamic family law in Malaysia. It also discusses the procedures relating to the enforcement of maintenance orders by the Syariah Courts, with a specific focus on the role of the Family Support Division (BSK), as well as identifying the challenges faced by this agency in carrying out its functions. This study adopts a qualitative approach, focusing on library-based research through the analysis of legal documents, Syariah Court practice directions, case law, and previous scholarly writings. The findings indicate that the establishment of the BSK has had a positive impact in improving compliance with maintenance orders, particularly through its functions of providing interim assistance, facilitating negotiation, and conducting continuous monitoring of maintenance debtors. Nevertheless, the study also finds that various constraints persist, including limitations in enforcement powers, recurring non-compliance, procedural delays, and the socio-economic factors affecting the parties involved. The article proposes improvements in terms of strengthening legal powers, enhancing inter-agency coordination, and increasing public awareness to ensure that the maintenance rights of wives and children are more effectively and sustainably protected.

Keywords: *Maintenance enforcement; Family Support Division (BSK); Islamic Family Law; Syariah Court; rights of wives and children*

ABSTRAK

Penguatkuasaan perintah nafkah merupakan antara cabaran utama dalam sistem perundangan keluarga Islam di Malaysia, khususnya apabila pihak yang diperintahkan gagal mematuhi arahan mahkamah. Bagi menangani isu ini, Bahagian Sokongan Keluarga (BSK) telah ditubuhkan sebagai mekanisme institusi bagi membantu pelaksanaan dan pemantauan perintah nafkah yang dikeluarkan oleh Mahkamah Syariah. Artikel ini bertujuan mengkaji tanggungjawab nafkah menurut hukum syarak dan undang-undang keluarga Islam di Malaysia Ia juga membincangkan prosedur berkaitan penguatkuasaan perintah nafkah oleh mahkamah syariah dengan memfokuskan kepada peranan Bahagian Sokongan Keluarga (BSK), serta mengenal pasti cabaran yang dihadapi agensi ini dalam pelaksanaannya. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang memfokuskan kepada kajian kepustakaan melalui analisis dokumen perundangan, arahan amalan Mahkamah Syariah serta kajian kes dan penulisan terdahulu. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kewujudan BSK telah memberi impak positif dalam meningkatkan kadar pematuan perintah nafkah, terutamanya melalui fungsi bantuan interim, rundingan, dan pemantauan berterusan terhadap penghutang nafkah. Namun demikian, kajian ini juga mendapati wujud pelbagai kekangan termasuk keterbatasan kuasa penguatkuasaan, isu ketidakpatuhan berulang, kelewatan proses, serta faktor sosioekonomi pihak yang terlibat. Artikel ini mencadangkan penambahbaikan dari segi pengukuhan kuasa perundangan, penyelarasan antara agensi, serta peningkatan kesedaran masyarakat bagi memastikan hak nafkah isteri dan anak dapat dilindungi secara lebih berkesan dan berterusan.

Kata Kunci: Penguatkuasaan nafkah; Bahagian Sokongan Keluarga (BSK); Undang-Undang Keluarga Islam; Mahkamah Syariah; hak isteri dan anak

Pendahuluan

Nafkah merupakan antara kewajipan asas dalam perkahwinan menurut hukum syarak dan undang-undang keluarga Islam, khususnya bagi menjamin kebajikan isteri dan anak-anak selepas perceraian. Di Malaysia, tanggungjawab ini telah diperuntukkan secara jelas dalam undang-undang keluarga Islam negeri-negeri, termasuk peruntukan berkaitan nafkah isteri, nafkah anak, nafkah iddah serta tunggakan nafkah. Namun demikian, meskipun perintah nafkah dikeluarkan oleh Mahkamah Syariah, isu ketidakpatuhan terhadap perintah tersebut masih ketara dan menimbulkan kesan serius terhadap kesejahteraan pihak yang berhak, terutamanya wanita dan kanak-kanak (Ahmad Ibrahim, 1999; Zaleha Kamaruddin, 2012, Roslina Che Soh et al., 2017). Keadaan ini akan bertambah rumit lagi, apabila sebahagian daripada isteri tidak mengetahui hak mereka di bawah undang-undang serta prosedur yang perlu diikuti untuk menuntut nafkah.

Kegagalan melaksanakan perintah nafkah bukan sahaja mencerminkan kelemahan individu penghutang penghakiman, malah turut mendedahkan cabaran struktur dalam mekanisme penguatkuasaan perintah Mahkamah Syariah. Proses penguatkuasaan yang panjang, ketidakhadiran pihak yang diperintahkan, serta keterbatasan kuasa dan sumber telah dikenal pasti sebagai antara faktor yang melemahkan keberkesanan pelaksanaan perintah nafkah (Wan Abdul Fattah Wan Ismail, 2018). Keadaan ini menuntut suatu pendekatan institusi yang lebih sistematik bagi memastikan perintah mahkamah tidak sekadar bersifat deklaratori, tetapi benar-benar dapat dikuatkuasakan.

Sehubungan itu, penubuhan Bahagian Sokongan Keluarga (BSK) di bawah Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) merupakan satu inisiatif penting bagi memperkukuh penguatkuasaan perintah nafkah. BSK berperanan membantu pemiutang penghakiman melalui penyediaan bantuan interim, pemantauan pelaksanaan perintah nafkah serta sokongan perundangan dalam prosiding penguatkuasaan. Walau bagaimanapun, keberkesanan peranan BSK masih berhadapan dengan pelbagai cabaran dari sudut perundangan, pentadbiran dan sumber manusia. Oleh itu, kajian ini meneliti peranan BSK dalam penguatkuasaan perintah nafkah serta menilai cabaran yang menjejaskan keberkesanan pelaksanaannya dalam konteks undang-undang keluarga Islam di Malaysia.

Tanggungjawab Nafkah menurut Hukum Syarak

Di dalam Islam, nafkah merupakan tanggung jawab yang ditekankan sebagai keperluan dan untuk memastikan keharmonian dan kestabilan dalam sebuah institusi kekeluargaan. Ia melibatkan tanggung jawab suami untuk menyediakan keperluan asas seperti makanan, pakaian, tempat tinggal dan lain-lain kepada individu yang ditanggung. Menurut syarak pula, nafkah adalah mengeluarkan harta untuk perbelanjaan yang melibatkan barang-barang keperluan manusia contohnya makanan, minuman, pakaian dan tempat tinggal serta sebagainya (Az-Zuhaili, 2009). Kewajipan ini berasaskan prinsip *qiwamah* dan tanggungjawab kepimpinan suami dalam institusi kekeluargaan Islam. Al-Quran secara jelas menetapkan kewajipan nafkah ke atas suami sebagaimana firman Allah SWT:

“Kaum lelaki itu adalah pemimpin dan penanggungjawab ke atas kaum wanita kerana Allah telah melebihkan sebahagian mereka atas sebahagian yang lain dan kerana mereka menafkahkan sebahagian daripada harta mereka.” (Surah al-Nisā’ 4:34)

Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka, nafkah bermaksud, wang yang diperlukan untuk hidup, contohnya untuk makan sehari-hari, perbelanjaan yang menjadi kewajipan kepada suami untuk beri kepada isteri zahir dan batin dan tanggung jawab bapa untuk menafkahi anak-anak (Pustaka, 2017). Perkataan nafkah berasal daripada kata “النفاق” “yang bermaksud mengeluarkan dan berasal dari Bahasa Arab iaitu “نفقات” adalah bentuk jamak perkataan نفقه. Menurut Ensiklopedia Islam, perkataan “nafkah” berasal daripada perkataan al-Infaq, yang bermaksud membayar, membelanjakan dan mengeluarkan wang. “Nafqus Syai” bermaksud mengeluarkan wang dan menggunakannya untuk kebaikan (Az-Zuhaili, 2009). Perkataan “nafkah” bermaksud “keluar”, “pergi”, atau “keluar.” Walau bagaimanapun, nafkah bermakna semua perkara yang diperlukan oleh manusia, seperti makanan, minuman, pakaian dan tempat tinggal. Dengan cara yang sama, pandangan istilah juga bermakna membelanjakan wang atau kos hidup bagi mereka yang dikehendaki untuk membiayainya (Zulfah, Syazwani, 2020). Nafkah adalah kewajipan suami terhadap isteri walaupun isteri tersebut kaya (Bahri, 2015). Hukum memberikan nafkah ada disebut dalam Alquran dan Sunnah seperti firman Allah dalam Surah Al-Baqarah ayat 233 yang bermaksud;

“Ibu-ibu hendaklah menyusui anak-anaknya selama dua tahun penuh, bagi yang ingin menyempurnakan penyusuan. Kewajipan ayah menanggung makan dan pakaian mereka dengan cara yang patut. Seseorang tidak dibebani, kecuali sesuai dengan kemampuannya. Janganlah seorang ibu dibuat menderita karena anaknya dan jangan pula ayahnya dibuat menderita karena anaknya. Ahli waris pun seperti itu pula. Apabila keduanya ingin menyapih (sebelum dua tahun) berdasarkan persetujuan dan musyawarah antara keduanya, tidak ada dosa atas keduanya. Apabila kamu ingin menyusukan anakmu (kepada orang lain), tidak ada dosa bagimu jika kamu memberikan pembayaran dengan cara yang patut. Bertakwalah kepada Allah dan ketahuilah bahwa sesungguhnya Allah Maha Melihat apa yang kamu kerjakan.”

Selain itu, dalam Surat At-Talaq ayat 6 yang bermaksud;

“Tempatkanlah mereka (para isteri) di mana kamu bertempat tinggal menurut kemampuanmu dan janganlah kamu menyusahkan mereka untuk menyempitkan (hati) mereka. Dan jika mereka (isteri-isteri yang sudah ditalak) itu sedang hamil, maka berikanlah kepada mereka nafkahnya hingga mereka bersalin ...”

Kemudian, Surah At-Talaq ayat 7 ada menyebutkan berkaitan hukum memberikan nafkah yang bermaksud;

“Hendaklah orang yang mampu memberi nafkah menurut kemampuannya. Dan orang yang disempitkan rezekinya hendaklah memberi nafkah dari harta yang diberikan Allah kepadanya. Allah tidak memikulkan beban kepada seseorang melainkan

(sekedar) apa yang Allah berikan kepadanya. Allah kelak akan memberikan kelapangan sesudah kesempitan”.

Maka, dapat difahami daripada petikan-petikan ayat diatas bahawa tanggungjawab ayah adalah menyediakan keperluan asas untuk keluarga merangkumi makanan, tempat tinggal dan pakaian anak dan ibu tersebut walaupun telah bercerai. Menafkahi dengan cara yang patut dan berkenaan dengan keperluan anak dan ibu tersebut dan mempertimbangkan kemampuan ayah tersebut (Hakim, 2022).

Hadis riwayat Sahih Bukhari, Kitab Nafqah, No Hadis: 5049, Rasulullah SAW juga bersabda maksudnya;

”Daripada ‘Aishah r.a. bahawa Hindun binti Utbah pernah bertanya, ‘Wahai Rasulullah s.a.w.: Sesungguhnya Abu Sufian ialah seorang lelaki yang kedekut dan tidak mahu memberi nafkah kepadaku dan anakku sehingga aku mesti mengambil hartanya tanpa pengetahuannya. Rasulullah s.a.w. menjawab: Ambillah apa yang mencukupi bagimu dan anakmu dengan cara yang baik.”

Dalam hadis riwayat Ibnu Majah, Rasulullah SAW, maksudnya;

“Hendaklah kamu bertaqwa kepada Allah dalam urusan perempuan. Karena sesungguhnya kamu telah mengambil mereka dengan kalimat Allah, kamu menghalalkan kemaluan (kehormatan) mereka dengan kalimat Allah. Wajib bagi mereka (isteri-isteri) untuk tidak memasukkan ke dalam rumahmu orang yang tidak kamu sukai. Jik melanggar yang tersebut pukullah mereka, tetapi jangan sampai melukai. Mereka berha mendapatkan belanja (nafkah) dari kamu dan pakaian dengan cara yang ma’ruf.

Maka, dapat difahami bahawa Rasulullah SAW membenarkan Hindun Mu’awiyah R.A untuk ambil harta suaminya tanpa izin. Oleh itu, jika wanita selain Hindun mengalami masalah yang sama, iaitu suami enggan memberi nafkah secukupnya seperti yang ditetapkan hukum Syarak, maka dibolehkan untuk mengambil harta suami tersebut sekadar secukupnya tanpa kebenaran (MaktabahAlBakri, 2023). Terdapat tiga golongan yang menyebabkan wajibnya memberi nafkah antaranya, masih ada hubungan kerabat atau keturunan, sebab pemilikan dan sebab perkahwinan (Bahri, 2015). Agama Islam mengiktiraf hubungan nasab dan keturunan berhak untuk menerima harta seseorang kerana hubungan yang sangat rapat begitu juga dengan hubungan isteri dan anak-anak serta ibu ayah. Penentuan kadar nafkah dalam Islam tidak dinyatakan secara khusus dalam Al-Qur'an dan Hadis. Allah SWT memerintahkan agar nafkah diberikan mengikut kemampuan seperti dalam surah At-Talaq ayat 7:

"Hendaklah orang yang mampu memberi nafkah menurut kemampuannya, dan yang kurang mampu memberi nafkah sekadar yang Allah berikan kepadanya."

Ayat ini menekankan bahawa nafkah mesti mencukupi keperluan asas tanpa membebankan pihak suami. Walaupun para ulama bersetuju bahawa memberi nafkah adalah wajib, mereka berlainan pendapat dalam menentukan kadarnya. Mazhab Syafi'i menetapkan kadar nafkah tertentu berdasarkan keupayaan suami, manakala mazhab Hanafi, Maliki, dan Hanbali berpendapat bahawa nafkah bergantung kepada keadaan dan kemampuan suami. Dalam kes isteri yang tinggal serumah, suami bertanggungjawab untuk memenuhi keperluannya, tetapi jika dia mengabaikannya tanpa sebab yang munasabah, isteri mempunyai hak untuk menuntut nafkah di mahkamah. Kadar nafkah yang ideal harus mengambil kira kedua-dua taraf sosial dan kemampuan pasangan tanpa melebihi atau melebihi apa yang diperlukan. Begitu juga, nafkah untuk anak anak terlantar dan yatim ditetapkan berdasarkan kemampuan pemberi nafkah dan keperluan asas mereka (Bahri, 2015).

Sama Ada Nafkah Menjadi Hutang Menurut Hukum Syarak

Dalam hukum syarak, nafkah bukan sekadar kewajiban moral atau tanggungjawab kekeluargaan, sebaliknya ia merupakan kewajiban hukum (*iltizām shar'ī*) yang mempunyai implikasi undang-undang. Apabila nafkah gagal ditunaikan, khususnya setelah ia ditetapkan oleh hakim, kewajiban tersebut berubah sifat menjadi hutang (*dayn*) yang kekal berada dalam tanggungan suami sehingga diselesaikan. Para fuqaha' bersepakat bahawa asal kewajiban nafkah adalah tanggungjawab semasa (*wājib ḥāl*). Namun, apabila nafkah tersebut ditentukan kadarnya dan tempohnya, sama ada melalui penghakiman atau tuntutan yang sah, kegagalan melaksanakannya menjadikan nafkah itu hutang yang boleh dituntut. Ibn Qudāmah menjelaskan bahawa:

“Apabila nafkah diwajibkan oleh hakim dan suami tidak menunaikannya, maka nafkah tersebut menjadi hutang yang wajib dibayar dan tidak gugur dengan berlalunya masa.” (*al-Mughnī*, jld. 9)

Pandangan ini menunjukkan bahawa campur tangan kehakiman (*taqdīr al-qāḍī*) memberikan kepastian hukum (*tahqīq al-ḥaqq*) terhadap kewajiban nafkah, sekaligus mengangkatnya ke tahap hutang yang mengikat. Mazhab Syafi'i dan Hanbali menegaskan bahawa nafkah yang diperintahkan oleh hakim menjadi hutang mutlak. Al-Nawawī menyatakan bahawa apabila hakim menetapkan nafkah dan suami enggan atau gagal membayar, maka nafkah tersebut “lā tasquṭ bi al-taqādum” (tidak gugur dengan berlalunya masa) dan boleh dituntut sebagai hutang (*al-Majmū'*, jld. 19). Mazhab Hanafi pula membezakan antara nafkah yang belum ditentukan dan nafkah yang telah ditetapkan. Menurut al-Kāsānī, nafkah tertunggak menjadi hutang sekiranya:

1. Ia ditetapkan oleh hakim; atau
2. Isteri terpaksa berhutang bagi menampung keperluan asas akibat kegagalan suami.

Dalam keadaan ini, suami bertanggungjawab melunaskan nafkah tersebut sebagai hutang (*Badā'i' al-Ṣanā'i'*, jld. 4). Mazhab Maliki walaupun lebih berhati-hati dalam mengiktiraf nafkah tertunggak sebagai hutang secara automatik, tetap mengiktirafnya sebagai hutang apabila terdapat penghakiman atau bukti keperluan mendesak yang gagal dipenuhi oleh suami (al-Dardīr, *al-Sharḥ al-Kabīr*). Kedudukan nafkah sebagai hutang turut disokong oleh prinsip umum syariah mengenai kepentingan melunaskan hutang. Rasulullah SAW bersabda:

“Roh seorang mukmin tergantung dengan hutangnya sehingga hutang itu dilunaskan.” (Riwayat al-Tirmidhī, no. 1078)

Hadis ini bersifat umum dan merangkumi semua bentuk hutang, termasuk hutang nafkah yang berpunca daripada kewajiban syarak. Tambahan pula, kegagalan melunaskan nafkah dikategorikan sebagai kezaliman, sebagaimana sabda Rasulullah SAW:

“Cukuplah seseorang itu berdosa apabila dia mensia-siakan orang yang menjadi tanggungannya.” (Riwayat Abū Dāwūd, no. 1692)

Dalam konteks fiqh, hutang nafkah tidak gugur dengan kematian suami, sebaliknya ia menjadi tuntutan ke atas harta pusaka si mati. Prinsip ini selaras dengan kaedah fiqh:

“*Al-dayn muqaddam 'alā al-waṣīyyah wa al-mīrāth*”

Ini bermaksud hutang harus didahulukan daripada wasiat dan pembahagian pusaka. Oleh itu, nafkah tertunggak yang telah diperintahkan oleh hakim hendaklah diselesaikan daripada harta pusaka sebelum pembahagian kepada waris, selagi mana harta tersebut mencukupi. Pengiktirafan nafkah sebagai hutang memberikan justifikasi syarak yang kukuh terhadap tindakan penguatkuasaan oleh Mahkamah

Syariah, termasuk perintah bayaran tunggakan, prosiding penghakiman ingkar, dan campur tangan institusi seperti Bahagian Sokongan Keluarga (BSK). Ia menegaskan bahawa perintah nafkah bukan sekadar arahan pentadbiran, tetapi suatu kewajipan hutang syarie yang mengikat secara berterusan demi menjaga maqasid syariah, khususnya perlindungan terhadap kebajikan wanita dan kanak-kanak.

Kewajipan Nafkah dan Tanggungjawab Membayar Nafkah Selepas Perintah Penghakiman Menurut Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan)

Di Wilayah Persekutuan, kewajipan nafkah dan pelaksanaannya dikawal selia secara khusus melalui Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 [Akta 303]. Akta ini memperuntukkan dengan jelas bahawa nafkah bukan sahaja merupakan kewajipan syarie, malah suatu tanggungjawab undang-undang yang boleh dikuatkuasakan melalui perintah Mahkamah Syariah. Seksyen 59 Akta 303 memperuntukkan bahawa Mahkamah Syariah boleh memerintahkan perkahwinan dan nafkah selepas perceraian, tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan oleh hukum syarak. Bagi nafkah anak pula, Seksyen 72 dan 73 Akta 303 menetapkan bahawa bapa bertanggungjawab menanggung nafkah anak-anaknya, sama ada anak itu berada dalam jagaan ibu atau pihak lain. Peruntukan ini mencerminkan penerapan prinsip fiqh bahawa tanggungjawab nafkah kekal pada bapa sebagai ketua keluarga, selaras dengan kehendak syarak dan kepentingan kebajikan anak. Kegagalan menunaikan kewajipan ini membuka ruang kepada campur tangan kehakiman bagi melindungi pihak yang berhak.

Apabila Mahkamah Syariah mengeluarkan perintah penghakiman berhubung pembayaran nafkah, kewajipan tersebut tidak lagi bersifat umum atau moral semata-mata, sebaliknya menjadi suatu liabiliti undang-undang yang mengikat. Seksyen 61 Akta 303 memperuntukkan bahawa nafkah yang diperintahkan oleh mahkamah dan tidak dibayar boleh dituntut sebagai tunggakan nafkah. Ini secara implisit mengiktiraf kedudukan nafkah tertunggak sebagai hutang penghakiman yang sah. Selain itu, Seksyen 69 Akta 303 memberikan kuasa kepada mahkamah untuk mengubah, membatalkan atau menguatkuasakan perintah nafkah, bergantung kepada perubahan keadaan. Walau bagaimanapun, sehingga perintah tersebut diubah atau diketepikan oleh mahkamah, pihak yang diperintahkan tetap bertanggungjawab sepenuhnya untuk mematuhi perintah. Prinsip ini menegaskan bahawa ketidakmampuan sementara atau keingkaran tidak secara automatik menggugurkan tanggungjawab membayar nafkah yang telah diperintahkan.

Akta 303 turut menyediakan mekanisme penguatkuasaan bagi memastikan pematuan perintah nafkah. Antaranya termasuk prosiding penguatkuasaan melalui saman penghutang penghakiman dan tindakan undang-undang lain yang dibenarkan oleh Mahkamah Syariah. Kewujudan Bahagian Sokongan Keluarga (BSK) di bawah Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia memperkukuh lagi pelaksanaan perintah ini melalui bantuan interim dan sokongan penguatkuasaan kepada pemiutang penghakiman. Dalam konteks ini, kegagalan mematuhi perintah penghakiman nafkah bukan sahaja merupakan pelanggaran perintah mahkamah, malah bercanggah dengan prinsip keadilan syariah dan maqasid syariah, khususnya dalam menjaga kebajikan keluarga dan kelangsungan hidup pihak yang lemah. Selaras dengan peruntukan Akta 303 dan prinsip fiqh, nafkah yang telah diperintahkan oleh Mahkamah Syariah di Wilayah Persekutuan boleh dianggap sebagai hutang penghakiman yang berterusan sehingga diselesaikan. Tanggungjawab ini tidak terhenti dengan perceraian atau kelalaian pihak yang diperintahkan, dan boleh dikuatkuasakan selagi perintah tersebut masih berkuat kuasa. Pendekatan ini mengukuhkan peranan Mahkamah Syariah bukan sahaja sebagai institusi penghakiman, tetapi juga sebagai mekanisme perlindungan hak isteri dan anak-anak dalam sistem undang-undang keluarga Islam.

Tuntutan dan Penguatkuasaan Hak Nafkah oleh Isteri di Mahkamah Syariah

Selepas suatu perintah nafkah dikeluarkan oleh Mahkamah Syariah, isteri sebagai pemiutang

penghakiman mempunyai hak undang-undang untuk menuntut dan menguatkuasakan perintah tersebut sekiranya berlaku keingkaran. Undang-undang keluarga Islam di Malaysia, khususnya di Wilayah-Wilayah Persekutuan, menyediakan beberapa mekanisme penguatkuasaan bagi memastikan perintah nafkah tidak sekadar bersifat deklaratori, tetapi dapat dilaksanakan secara berkesan.

Langkah awal bagi seorang isteri adalah dengan memfailkan permohonan penguatkuasaan perintah nafkah di Mahkamah Syariah yang mengeluarkan perintah tersebut. Di bawah Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 (Akta 303), mahkamah mempunyai bidang kuasa untuk menguatkuasakan perintah nafkah dan menuntut tunggakan nafkah yang gagal dibayar. Seksyen 61 Akta 303 memperuntukkan bahawa nafkah yang diperintahkan tetapi tidak dibayar boleh dituntut sebagai tunggakan, sekaligus mengiktiraf hak isteri untuk menuntut jumlah tersebut secara berterusan sehingga diselesaikan. Dalam prosiding ini, isteri perlu membuktikan kewujudan perintah nafkah yang sah serta kegagalan pihak suami mematuhi. Beban pembuktian ini lazimnya dipenuhi melalui salinan perintah mahkamah dan rekod pembayaran (atau ketiadaan pembayaran). Sekiranya suami terus ingkar, isteri boleh memohon agar tindakan diambil terhadap penghutang penghakiman. Pendekatan ini selari dengan prinsip bahawa nafkah selepas perintah penghakiman merupakan hutang yang boleh dikuatkuasakan. Mahkamah Syariah mempunyai kuasa untuk memanggil penghutang penghakiman hadir ke mahkamah bagi memberi penjelasan mengenai keingkaran tersebut. Ketidakhadiran tanpa alasan munasabah boleh membawa implikasi undang-undang dan tindakan lanjut oleh mahkamah. Kajian menunjukkan bahawa kelewatan dan keingkaran membayar nafkah sering berpunca daripada sikap tidak patuh penghutang penghakiman, justeru prosiding penguatkuasaan merupakan instrumen penting untuk memastikan kepatuhan perintah mahkamah (Wan Abdul Fattah Wan Ismail, 2018; Zaleha Kamaruddin, 2012).

Peranan Bahagian Sokongan Keluarga (BSK)

Selain prosiding kehakiman, isteri juga boleh mendapatkan bantuan daripada Bahagian Sokongan Keluarga (BSK) di bawah Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia. Penubuhan BSK bertujuan membantu pemiutang penghakiman, khususnya wanita dan kanak-kanak, dalam menuntut nafkah yang gagal dibayar. Mesyuarat Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia kali ke 46 membawa kepada penubuhan Bahagian Sokongan Keluarga (Roslina, Nurhidayah, & Mohd Na'im, Julai 2017). Ia susulan isu tuntutan nafkah dan penguatkuasaannya yang sering menjadi rungutan para isteri atau isteri yang dicerai atau ibu kepada kanak-kanak yang dicerai (Sidang Parlimen, 2017). Penubuhan BSK bertujuan untuk menguatkuasakan perintah nafkah yang telah dimeterai oleh Mahkamah Syariah. BSK juga diwujudkan bagi memastikan perintah nafkah yang dikeluarkan oleh Mahkamah Syariah dipatuhi dan dilaksanakan oleh bekas suami atau bapa kepada bekas isteri dan anak-anak. Inisiatif ini dibuat supaya pengurusan penguatkuasaan dan pelaksanaan Perintah Nafkah yang diputuskan oleh mahkamah syariah lebih cekap dan efisien, di samping menambah baik sistem pengurusan kes tersebut. Bagi meringankan beban kepada pemohon sementara menunggu kes selesai, pihak BSK telah diberikan tanggungjawab oleh mahkamah untuk menyalurkan bantuan wang pendahuluan nafkah kepada pemohon yang memerlukan. (Roslina, Nurhidayah, & Mohd Na'im, Julai 2017).

Arahan Amalan Ketua Pengarah/Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia berkaitan BSK menekankan bahawa peranan BSK adalah bersifat sokongan kepada Mahkamah Syariah, dan tidak menggantikan fungsi kehakiman. Walau bagaimanapun, kajian mendapati bahawa kewujudan BSK telah meningkatkan akses keadilan kepada isteri yang berhadapan dengan kesukaran menguatkuasakan perintah nafkah secara bersendirian (Zainab Ismail, 2016). Arahan Amalan Mahkamah Syariah yang dikeluarkan oleh JKSM turut memainkan peranan penting dalam menyeragamkan amalan penguatkuasaan nafkah di seluruh Malaysia. Arahan-arahan ini memberi panduan kepada hakim dan pegawai mahkamah mengenai prosedur pengendalian kes nafkah, pengurusan tunggakan, serta peranan institusi sokongan seperti BSK. Walaupun Arahan Amalan tidak mempunyai status statut, ia

diiktiraf sebagai instrumen pentadbiran yang penting bagi memastikan kelancaran dan konsistensi pelaksanaan perintah nafkah.

Di beberapa negara maju, mereka memperkenalkan *Child Support Scheme* (Skim Nafkah Anak) dan menubuhkan *Child Support Agency* (Agensi Nafkah Anak) untuk mengawal selia urusan nafkah di tempat mereka. Tujuan penubuhan agensi tersebut mempunyai objektif yang sama seperti BSK namun matlamat BSK adalah lebih meluas kerana bukan sahaja memfokuskan kepada hak nafkah anak malah kepada isteri juga. Hal ini kerana pada tahun 2012, bidangkuasa BSK diperluaskan kepada nafkah isteri dan nafkah eddah. Manakala bermula tahun 2017, skopnya telah diperluaskan kepada cabang penguatkuasaan kes muta'ah. (Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Johor, 2020).

Bagi memastikan fungsi dan peranan BSK JKSM dijalankan secara proaktif dan efisien maka JKSM telah menempatkan BSK di setiap Mahkamah Syariah Negeri di Malaysia. JKSM telah menempatkan 6 kakitangan BSK di setiap negeri bagi menjalankan tugas penguatkuasaan dan pelaksanaan perintah. Semua kakitangan BSK di negeri-negeri merupakan perjawatan di bawah JKSM yang mana segala urusan pentadbiran, pengurusan dan pembayaran gaji adalah diuruskan oleh JKSM di Putrajaya walaupun kakitangan bertugas di negeri (Mohd Sufi Mohd Rani (Penolong Pengarah, 2021)

Penguatkuasaan Perintah Nafkah oleh BSK

Penubuhan Bahagian Sokongan Keluarga (BSK) dianggap sebagai langkah bijak dan tepat terutamanya untuk menyelesaikan isu nafkah isteri dan anak serta mengambil tindakan terhadap individu yang gagal mematuhi perintah mahkamah dengan pendekatan yang lebih proaktif dan berkesan. Antara fungsi Bahagian Sokongan Keluarga di Mahkamah Syariah adalah Memberi khidmat nasihat perundangan Syariah kepada orang Islam mengenai hak dan tuntutan di Mahkamah Syariah terutama mengenai nafkah. Contohnya membimbing dan memberikan nasihat kepada ibu tunggal mengenai hak mereka, terutama berkaitan tuntutan nafkah melalui platform media sosial seperti Facebook atau Instagram. BSK juga kerap berkongsi panduan dan video interaktif tentang cara memfailkan tuntutan nafkah di Mahkamah Syariah.

BSK melaksanakan tugas peguam syarie dan bailif dalam penguatkuasaan perintah atau penghakiman yang dikeluarkan oleh Mahkamah Syariah berkaitan dengan nafkah supaya perintah tersebut dapat dipatuhi oleh semua pihak. Pegawai BSK mempunyai tauliah peguam syarie dan boleh mewakili pihak klien untuk tuntutan pelaksanaan perintah (Siti Nazratul Ain, 2022). Manakalah, bailif adalah pegawai yang dilantik untuk melaksanakan tugas berkaitan penguatkuasaan perintah Mahkamah Syariah. Mereka bertanggungjawab menjalankan tindakan fizikal untuk memastikan perintah mahkamah dipatuhi oleh pihak yang terlibat. Sebagai contoh, sekiranya waran tangkap diserahkan kepada bailif ini, mereka akan melaksanakannya dan mengikut arahan daripada mahkamah untuk menjalankan proses tangkapan tersebut.

Tambahan lagi, BSK turut membantu pemohon yang menghadapi kesukaran mendapatkan nafkah dengan menguruskan permohonan wang pendahuluan nafkah. Untuk meringankan beban pemohon sementara menunggu kes selesai, pegawai BSK akan mencadangkan kepada Unit Pendahuluan Nafkah (UPD) agar pendahuluan nafkah anak diberikan mengikut kadar yang ditetapkan oleh mahkamah, untuk tempoh enam bulan. Pembayaran semula kepada BSK adalah fleksibel dan boleh dilakukan secara ansuran. Pendahuluan dana ini diberikan untuk memastikan BSK dapat membuat kutipan balik daripada Penghutang Penghakiman selepas kes selesai (Soalan Lazim JAKESS, 2024). Contohnya, ketika sesi runding cara, pemohon biasanya bertanya mengenai tempoh penyelesaian kes dan bentuk bantuan yang boleh diterima. BSK akan menjelaskan bahawa dana pendahuluan disediakan sementara menunggu keputusan mahkamah. Selepas kes diputuskan, penghutang penghakiman bertanggungjawab membayar semula dana pendahuluan tersebut kepada BSK.

Selain itu, bagi memastikan peranan Bahagian Sokongan Keluarga (BSK) dalam menangani isu nafkah dapat dilaksanakan secara berkesan, tiga unit khusus telah diwujudkan untuk menangani kes pengabaian nafkah antaranya ialah Unit Khidmat Nasihat dan Perundangan (UKNP), Unit Penguatkuasaan dan Pelaksanaan Perintah (UPPP) dan Unit Pengurusan Dana (UPD). Setiap satu unit tersebut mempunyai fungsinya yang tersendiri tetapi saling berkait dari segi proses (Portal Rasmi Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Johor, 2024). Berikut adalah fungsi setiap unit di bawah Bahagian Sokongan Keluarga:

Unit Khidmat Nasihat dan Perundangan (UKNP)

Unit ini bertanggungjawab memberi nasihat undang-undang kepada individu yang ingin membuat tuntutan di Mahkamah Syariah, terutama berkaitan nafkah anak dan pelaksanaan perintah mahkamah selepas perceraian. Unit ini juga memantau pelaksanaan perintah nafkah seperti nafkah anak, nafkah isteri, nafkah iddah, dan nafkah mutah. Jika terdapat aduan pengabaian pelaksanaan perintah mahkamah, UKNP akan menyiasat dan mengatur rundingcara antara pihak-pihak terlibat. Sekiranya rundingcara berjaya, satu perjanjian akan ditandatangani dan diserahkan kepada Hakim Syarie untuk dijadikan perintah rasmi. Jika gagal, kes akan dirujuk kepada Unit Penguatkuasaan dan Pelaksanaan Perintah (UPPP) untuk tindakan lanjut.

Unit Penguatkuasaan dan Pelaksanaan Perintah (UPPP)

Unit Penguatkuasaan dan Pelaksanaan Perintah (UPPP) bertanggungjawab memastikan semua perintah yang dikeluarkan oleh Mahkamah Syariah dipatuhi oleh individu yang diwajibkan, terutama bekas suami yang bertindak sebagai Penghutang Penghakiman. Antara tugas utama unit ini adalah mengambil tindakan terhadap individu yang gagal mematuhi perintah mahkamah, termasuk melalui langkah penyitaan, penjualan aset, atau hiwalah (pemindahan hutang). UPPP juga bertindak sebagai Peguam Syarie dan Bailif dalam melaksanakan perintah mahkamah. Selain itu, unit ini menguruskan prosiding mahkamah sehingga Mahkamah Syariah mengeluarkan perintah pelaksanaan. UPPP turut mempunyai kuasa mengeluarkan Waran Tangkap kepada Penghutang Penghakiman yang ingkar perintah. Semua tindakan diambil berdasarkan permohonan dan keputusan Mahkamah Syariah.

Unit Pengurusan Dana (UPD)

Akhir sekali adalah Unit Pengurusan Dana yang bertanggungjawab mengurus Akaun Amanah Bahagian Sokongan Keluarga (BSK) di bawah Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM). Tugas utama UPD meliputi menyalurkan pendahuluan nafkah kepada anak. Unit ini turut menjalankan penyiasatan ke atas dokumen dan keterangan pemohon untuk memastikan kelayakan berdasarkan syarat yang ditetapkan. Jika permohonan layak, UPD akan mencadangkan pembiayaan kepada Jawatankuasa Akaun Amanah untuk dipertimbangkan dan diluluskan sebelum dana disalurkan mengikut jumlah nafkah yang telah ditetapkan oleh mahkamah (Thariq Abdullah Visra, 2023).

Melalui kerjasama erat antara ketiga-tiga unit ini di dalam Bahagian Sokongan Keluarga (BSK) dapat memainkan peranan penting dalam memastikan isu nafkah dapat ditangani dengan cekap dan menyeluruh. Antara kejayaan yang telah diperolehi oleh BSK ialah BSK Seksyen Pulau Pinang telah berjaya merekodkan kes tertunggak nafkah anak dalam satu sesi rundingcara dimana pihak-pihak bersetuju jumlah tunggakan nafkah anak adalah sebanyak RM12,600.00 iaitu tunggakan mulai bulan Julai 2020 sehingga Oktober 2023. Penghutang Penghakiman bersetuju untuk membayar tunggakan nafkah anak secara ansuran sebanyak RM200.00 setiap bulan mulai bulan November 2023 sehingga selesai.

Bayaran ansuran ini akan dibuat bersekali nafkah anak semasa dengan jumlah RM800.00 sebulan melalui transaksi ke akaun bank Pemiutang Penghakiman pada sebelum atau setiap 15 hari bulan setiap bulan (BSK Seksyen Pulau Pinang, 2023). Oleh itu, dapat ditekankan bahawa BSK memainkan peranan yang sangat efisien dalam menangani isu tunggakan nafkah yang berlaku di Malaysia kerana

dengan adanya BSK nasib-nasib ibu tunggal dapat dipelihara.

Kes-kes Melibatkan Penguatkuasaan Perintah Nafkah oleh Bahagian Sokongan Keluarga

- i. Kes *Umi Jumaina Binti Mohamed Jan lwn. Mohd Salleh Bin Che Tan* (No.Kes:60200-03-011-0068-2016)

Dalam kes ini, Mahkamah Syariah memerintahkan defendan untuk membayar nafkah isteri sebanyak RM1,000.00 sebulan. Pihak-pihak telah bersetuju dengan jumlah tunggakan nafkah isteri dan anak antara Februari hingga Mei 2016 berjumlah RM5,000.00. Defendan bersetuju untuk membayar keseluruhan tunggakan pada Oktober 2016. Kes ini menggambarkan situasi yang biasa timbul dalam kes poligami di mana perintah nafkah telah dikeluarkan semasa perkahwinan masih berlangsung, dan sekiranya berlaku ketidakpatuhan, pihak isteri pertama boleh membuat tuntutan nafkah tertunggak.

- ii. Kes *Mariam Binti Ibrahim lwn. Shaharin Bin Khanafi* (No.Kes:60007-03-024-0091-2016)

Mahkamah dalam kes ini memerintahkan defendan untuk membayar nafkah seorang anak sebanyak RM700.00 sebulan, yang perlu dibayar ke dalam akaun bank milik plaintif pada awal bulan dan selewat-lewatnya pada 5 hari bulan setiap bulan bermula Januari 2016. Kes ini juga memperlihatkan peralihan tanggungjawab nafkah apabila suami hilang upaya untuk melunaskan nafkah, di mana hak pembayaran nafkah boleh dipindahkan kepada waris terdekat.

- iii. Kes *Saman Penghutang Penghakiman (Kuala Muda, 8 Disember 2024)*

Bahagian Sokongan Keluarga Seksyen Negeri Kedah berjaya menyelesaikan kes saman penghutang penghakiman berjumlah RM18,475.00 melibatkan tunggakan nafkah anak sejak Mac 2020 hingga Julai 2024. Pihak penghutang penghakiman bersetuju untuk membayar tunggakan sebanyak RM4,000.00 pada hari yang sama, dan baki RM14,475.00 akan dibayar secara ansuran sebanyak RM450.00 sebulan mulai Januari 2025 sehingga selesai, dengan bayaran dilakukan ke dalam akaun bank pemiutang penghakiman.

- iv. Kes *Tunggakan Nafkah Anak (Alor Gajah, 15 Julai 2024)*

Bahagian Sokongan Keluarga Seksyen Negeri Melaka berjaya menyelesaikan kes tunggakan nafkah anak berjumlah RM30,970.00 yang melibatkan tempoh dari Oktober 2019 hingga Jun 2024. Penghutang penghakiman bersetuju membayar tunggakan tersebut secara ansuran sebanyak RM200.00 sebulan bermula Ogos 2024 sehingga selesai, dengan bayaran dilakukan melalui pindahan wang ke akaun bank anak mereka sebelum atau pada 28 hari bulan setiap bulan.

- v. Kes *Tunggakan Mut'ah (Kota Bharu, 15 Julai 2024)*

Kes ini melibatkan tunggakan mut'ah sebanyak RM11,000.00 daripada jumlah asal RM20,000.00 yang diperintahkan oleh mahkamah pada Oktober 2017. Penghutang penghakiman telah membuat bayaran RM9,000.00 melalui kes saman penghutang penghakiman yang telah diselesaikan sebelum ini, dan baki RM11,000.00 dibayar pada 15 Julai 2024, secara pindahan ke akaun bank pemiutang penghakiman, dengan kes ini direkodkan selesai.

- vii. Kes *Tunggakan Nafkah Anak (Ayer Keroh, 15 Mac 2024)*

Mahkamah Rendah Syariah Negeri Melaka mengeluarkan perintah nafkah anak pada 30 Januari 2020, namun penghutang penghakiman gagal mematuhi perintah tersebut, menyebabkan berlaku tunggakan RM1,550.00 dari Januari 2022 hingga Jun 2024. Kes ini diselesaikan secara persetujuan pihak-pihak, dengan penghutang penghakiman membayar tunggakan secara ansuran bulanan RM200.00 bermula Julai 2024 hingga Disember 2024, dengan baki RM350.00 dibayar pada Januari 2025.

viii. Kes *Saman Penghutang Penghakiman Nafkah Anak* (Pasir Puteh, 14 Julai 2024)

Bahagian Sokongan Keluarga menyelesaikan kes saman penghutang penghakiman dengan jumlah tunggakan nafkah anak sebanyak RM23,500.00 bagi tempoh September 2022 hingga Oktober 2023. Pihak-pihak bersetuju bahawa bayaran dibuat secara ansuran sebanyak RM500.00 sebulan selama 47 bulan bermula Julai 2024 sehingga Mei 2028 melalui potongan pencen Angkatan Tentera, dan bayaran dimasukkan terus ke akaun bank pemiutang penghakiman.

ix. Kes *Tunggakan Nafkah Anak* (Sungai Rambai, 4 Julai 2024)

Mahkamah mensabitkan jumlah tunggakan nafkah anak sebanyak RM16,600.00 yang perlu dibayar secara ansuran bulanan. Pihak-pihak bersetuju dengan bayaran ansuran seperti berikut: RM166.00 (31.1.2024 hingga 31.12.2024), RM266.00 (31.1.2025 hingga 31.12.2025), RM366.00 (31.1.2026 hingga 31.12.2026), dan RM466.00 (31.1.2027 hingga 31.12.2027). Bayaran terakhir sebanyak RM500.00 akan dilakukan pada 31.03.2028.

x. Kes *Tunggakan Nafkah Anak* (Alor Gajah, 3 Julai 2024)

Kes ini melibatkan tunggakan nafkah anak sebanyak RM17,300.00 untuk tempoh dari Januari 2022 hingga Februari 2024. Mahkamah memerintahkan penghutang penghakiman untuk membayar pendahuluan RM1,500.00 pada Disember 2024, dengan baki RM15,800.00 dibayar secara ansuran RM100.00 sebulan mulai Januari 2026.

xi. Kes *Tunggakan Nafkah Anak dan Mut'ah* (Kangar, 1 Julai 2024)

Dua kes saman penghutang penghakiman ini melibatkan tunggakan nafkah anak berjumlah RM30,200.00 dan mut'ah sebanyak RM7,000.00, dengan jumlah keseluruhan RM37,200.00. Pihak-pihak bersetuju untuk membayar keseluruhan tunggakan tersebut secara sekaligus melalui transaksi bank pada hari yang sama.

Keberkesanan Bahagian Sokongan Keluarga (BSK) dan Cabarannya dalam Penguatkuasaan Perintah Nafkah

Selepas beberapa tahun penubuhan, BSK telah digerakkan di semua Mahkamah Syariah di Malaysia dan dalam masa yang sama sistem e-Nafkah di JKSM turut beroperasi. (Roslina, Nurhidayah, & Mohd Na'im, Julai 2017). Menurut Zulkifli Hasan (2024), sejak penubuhan BSK pada tahun 2008, sebanyak 872 kes atau 55% daripada 1,571 kes yang berdaftar telah berjaya diselesaikan pada tahun 2021. Pada tahun 2022, sebanyak 1,096 kes atau 68% daripada 1,600 kes yang didaftarkan telah berjaya diselesaikan. Pada tahun 2023, sebanyak 1,102 kes atau 59% daripada 1,844 kes yang didaftarkan bagi tahun tersebut telah berjaya diselesaikan. Bagi tahun semasa iaitu daripada Januari hingga November 2024, sebanyak 1,076 kes atau 58% daripada kes yang didaftarkan telah berjaya diselesaikan. Berdasarkan peratusan kes dari tahun 2021 sehingga ke tahun 2024, trend menunjukkan lebih separuh daripada kes yang telah didaftarkan pada tahun tersebut telah berjaya diselesaikan dan hal ini mengisyaratkan keberkesanan Bahagian Sokongan Keluarga (BSK) dalam menguatkuasakan perintah nafkah di Mahkamah Syariah. Perkara ini juga menunjukkan betapa komited BSK dalam melaksanakan fungsinya dalam memperkasakan institusi kekeluargaan khusus kepada isteri-isteri dan anak-anak.

Penguatkuasaan dan pelaksanaan perintah yang dilaksanakan oleh BSK adalah melalui kaedah Perintah Tunggakan Nafkah Anak, Saman Penghutang Penghakiman, Notis Penghakiman atau Pengkomitan, Penahanan Pendapatan, Penghinaan dan yang terakhir *Hiwalah* atau Prosiding *Garnishee*. Tujuan penguatkuasaan dan pelaksanaan perintah ini bagi memastikan perintah nafkah dipatuhi dan dilaksanakan terhadap orang yang dipertanggungjawabkan di bawah undang-undang iaitu suami atau bapa yang culas membayar nafkah kepada keluarganya. Perkembangan baharu yang telah dilaksanakan oleh BSK dalam tindakan penguatkuasaan dan pelaksanaan perintah Mahkamah Syariah

adalah pelaksanaan perintah *Hiwalah* atau Prosiding *Garnishee* dengan izin institusi kewangan. Pelaksanaan perintah ini dibuat berdasarkan pindaan kepada tiga (3) perundangan iaitu, Perkhidmatan Kewangan Pindaan Jadual 11 2021 bagi Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, Perintah Perkhidmatan Kewangan Islam Pindaan Jadual 11 2021 bagi Akta Kewangan Islam 2013 dan Perintah Institusi Kewangan Pembangunan Pindaan Jadual Keempat tahun 2021 bagi Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 (Sidang Parlimen, 2024).

Pelaksanaan dan penguatkuasaan perintah ini benar-benar dilakukan oleh BSK dimana terdapat pelaksanaan seperti pemotongan gaji suami, pelaksanaan *Hiwalah* melalui sekatan akaun bank dan juga perintah bayaran kepada pihak ketiga untuk membayar kepada isteri dan anak-anak dan ada beberapa kes lain, suami dipenjarakan kerana tidak membayar nafkah atau culas membayar nafkah walaupun telah ada perintah pelaksanaan (Sidang Parlimen, 2024). Di samping itu, pihak JKSM melalui BSK giat mengadakan promosi dan kaunter-kaunter bergerak secara berkala di tempat tumpuan awam dan hal ini bagi memudahkan orang awam mendapatkan khidmat nasihat perundangan Syariah dan khidmat guaman yang melibatkan perintah nafkah (Bahagian Sokongan Keluarga (BSK), 2019).

Cabaran Bahagian Sokongan Keluarga (BSK) dalam Penguatkuasaan Perintah Nafkah

Disebalik keberkesanan yang telah disebutkan di atas, terdapat cabaran dan kekangan yang dihadapi oleh Bahagian Sokongan Keluarga (BSK) dalam penguatkuasaan perintah nafkah antaranya ialah kekangan kakitangan dalam BSK. Menurut Zulkifli Hasan (2024) di dalam Sidang Parlimen, terdapat lebih kurang 96 orang pegawai yang dilatih dan diberi kursus untuk menambahkan kemahiran mereka agar dapat melaksana dan mempercepatkan kes pelaksanaan ini. Walaupun dengan kekuatan tenaga 96 orang pegawai yang telah disediakan dan jika dibandingkan dengan jumlah kes yang didaftarkan setiap tahun, ianya menjadi satu kekangan bagi pegawai-pegawai BSK dalam menyelesaikan keseluruhan kes-kes yang didaftarkan akibat daripada kekurangan kakitangan bagi menampung jumlah kes yang didaftarkan. Tambahan pula, terdapat kekangan pegawai di beberapa negeri yang mempunyai keluasan geografi yang luas seperti BSK di Sarawak yang mana Sarawak merupakan negeri terbesar di Malaysia (Zulzaidi, Ahmad Hidayat, & Afifah, 2021). BSK JKSM di Sarawak melaksanakan tugas penguatkuasaan di 11 bahagian di Sarawak dengan pembahagian tiga (3) zon utama iaitu Zon Selatan (JKSS Ibu Pejabat), Zon Tengah (JKSS Sibu) dan Zon Utara (JKSS Miri) (Zulzaidi, Ahmad Hidayat, & Afifah, 2021). Walaubagaimanapun, ianya masih tidak cukup bagi menampung kes yang didaftarkan disebabkan faktor geografi yang luas di Sarawak.

Cabaran lain adalah terdapat sesetengah pegawai-pegawai BSK tidak mempunyai tauliah sebagai peguam syarie untuk membawa kes bagi beberapa negeri. Bagi negeri yang tidak mempunyai pegawai BSK bertauliah, mereka hanya membantu dalam penyediaan pliding dan akan meminta kerjasama daripada Jabatan Bantuan Guaman untuk menggunakan khidmat peguam bagi membawa kes ke Mahkamah Syariah (Roslina, Nurhidayah, & Mohd Na'im, Julai 2017). Menurut Mohd Nai'im, setakat ini hampir kesemua negeri memberikan tauliah sebagai peguam syarie kepada pegawai BSK yang ditempatkan di negeri tersebut kecuali Selangor dan Wilayah Persekutuan. Ketiadaan pentauliah guaman syarie kepada pegawai BSK melambatkan pelaksanaan perintah nafkah kerana perlu menunggu khidmat peguam di Jabatan Bantuan Guaman untuk membawa kes pelaksanaan di Mahkamah Syariah. Namun, menurut Dr. Zulkifli Hasan, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), terdapat lebih kurang 96 orang pegawai yang dilatih dan diberi kursus untuk menambahkan kemahiran mereka agar dapat melaksana dan mempercepatkan kes pelaksanaan. Hal ini menunjukkan telah wujud penambahbaikan dimana pegawai BSK yang disediakan adalah pegawai yang terlatih untuk membawa kes pelaksanaan di Mahkamah Syariah.

Seterusnya, cabaran lain yang dapat diperhalusi adalah ketidakhadiran penghutang penghakiman iaitu suami atau bapa dalam sesi rundingcara dan prosiding Mahkamah Syariah. Terdapat dua (2) keadaan

kegagalan kehadiran penghutang penghakiman iaitu penghutang penghakiman tidak dapat ditemui dan penghutang penghakiman sengaja tidak hadir dalam sesi yang diadakan (Zulzaidi, Ahmad Hidayat, & Afifah, 2021). Inisiatif yang diambil oleh BSK Sarawak bagi mengatasi kekangan ini adalah dengan mendapatkan maklumat mengenai keberadaan penghutang penghakiman melalui carian di Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), Jabatan Imigresen, Kumpulan Wang Simpanan Kerja (KWSP), Syarikat Telekomunikasi, Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan lain-lain (Zulzaidi, Ahmad Hidayat, & Afifah, 2021). Walaubagaimanapun, terdapat beberapa kes keberadaan suami sukar dikesan terutamanya apabila suami yang bekerja sendiri dan tidak melibatkan sektor swasta atau kerajaan (Augustin & M. Hedhayatullan, 2018).

Selanjutnya, cabaran lain yang dapat dikenalpasti adalah pengurusan dana BSK JKSM. Unit Pengurusan Dana (UPD) adalah unit yang bertanggungjawab dalam menguruskan dana BSK JKSM. Cabaran dalam pengurusan dana BSK ini adalah untuk memastikan pemiutang penghakiman yang benar-benar layak sahaja yang diberikan pendahuluan dana selama tempoh enam (6) bulan dan jumlah yang diperuntukkan adalah sama sebagaimana yang termeterai di dalam penghakiman di Mahkamah Syariah (Zulzaidi, Ahmad Hidayat, & Afifah, 2021). UPD hanya membenarkan permohonan pendahuluan nafkah kepada pemiutang penghakiman dengan piawai yang telah ditetapkan. Cabaran lain berkaitan pengurusan dana ini adalah pembayaran balik pendahuluan nafkah daripada pemiutang penghakiman kerana terdapat pemiutang penghakiman yang tidak membayar semula pendahuluan nafkah kepada UPD (Zulzaidi, Ahmad Hidayat, & Afifah, 2021). Dalam Arahan Amalan JKSM No. 2 Tahun 2019 menyatakan bahawa mahkamah boleh membuat perintah terhadap penghutang penghakiman untuk membayar balik kepada BSK wang pendahuluan nafkah yang telah dibayar kepada pemiutang penghakiman dalam kes penguatkuasaan dan pelaksanaan perintah nafkah (Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia, 2019). Dengan melalui arahan amalan ini, cabaran dalam mendapatkan bayaran semula daripada pemiutang penghakiman ini dapat diatasi dengan memperolehi perintah mahkamah untuk mendapatkan bayaran balik daripada penghutang penghakiman. Namun, ianya juga menjadi kesukaran apabila kes pelaksanaan yang dibawa ini tidak dapat diselesaikan apabila sukar untuk mengenal pasti kedudukan semasa suami atau penghutang penghakiman.

Kesimpulan dan Penutup

Kajian ini mendapati bahawa penguatkuasaan perintah nafkah di Malaysia adalah isu yang sukar di selesaikan secara tuntas dan berkesan kerana ia melibatkan komitmen dan keadaan ekonomi individu yang terlibat dalam konflik kekeluargaan. Kegagalan suami atau bapa untuk memenuhi tanggungjawab nafkah, sama ada semasa perkahwinan atau selepas perceraian, adalah salah satu isu utama yang dikenal pasti. Hak isteri dan anak-anak bukan satu-satunya yang terjejas oleh kelewatan dan ketidakpatuhan dalam pembayaran nafkah; ia juga menimbulkan isu sosial yang lebih besar dalam masyarakat. Walaupun hukum syarak dan undang-undang mempunyai peruntukan yang jelas mengenai hak dan tanggungjawab nafkah, terdapat banyak cabaran yang menyukarkan perintah ini dilaksanakan dengan baik.

Walaupun mereka berdepan dengan beberapa halangan, Bahagian Sokongan Keluarga (BSK) memainkan peranan penting dalam penguatkuasaan perintah nafkah. Kesukaran termasuk kekurangan kakitangan yang berkecuali, dengan sesetengah pegawai tanpa tauliah sebagai peguam syarie. Ini menyukarkan penguatkuasaan dan penyelesaian kes. Selain itu, halangan utama ialah penghutang penghakiman tidak hadir dalam sesi rundingcara dan prosiding Mahkamah Syariah. Penghutang kadangkala tidak dapat dikenal pasti, terutamanya jika mereka bekerja sendiri dan tidak mempunyai majikan yang boleh mendedahkan identiti mereka.

Usaha BSK untuk meningkatkan sistem penguatkuasaan ditunjukkan dengan inisiatif seperti pelaksanaan perintah *Hiwalah* atau *Prosiding Garnishee*. Walau bagaimanapun, beberapa faktor masih menghalang usaha ini daripada berjaya; ini termasuk kerjasama daripada institusi kewangan dan kesedaran umum tentang hak dan tanggungjawab individu. Walaupun promosi dan kaunter

bergerak BSK adalah cara yang baik untuk mendekatkan masyarakat dengan perkhidmatan nasihat perundangan Syariah, ia memerlukan sokongan yang lebih sistematik dan berterusan. Akhirnya, artikel ini mencadangkan agar pihak berkuasa dan pemegang taruh lain mengambil langkah proaktif untuk memperkukuh sistem penguatkuasaan nafkah. Ini termasuklah meningkatkan latihan dan sumber untuk pegawai BSK, memperbaiki mekanisme pengesanan penghutang, serta meningkatkan kesedaran masyarakat tentang hak dan tanggungjawab berkaitan nafkah. Dengan ini, diharapkan isu penguatkuasaan nafkah dapat ditangani dengan lebih berkesan, seterusnya memastikan keadilan dan kesejahteraan bagi isteri dan anak-anak terjamin. Kesimpulannya, penguatkuasaan perintah nafkah bukan sahaja tanggungjawab undang-undang, tetapi juga tanggungjawab sosial yang memerlukan kerjasama semua pihak untuk mencapai hasil yang positif.

Rujukan

- Abū Dāwūd. (2009). *Sunan Abī Dāwūd*. Dār al-Risālah.
- Ahmad Ibrahim. (1999). *Undang-undang keluarga Islam di Malaysia*. Malayan Law Journal.
- Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 (Akta 303).
- Al-Dardīr, A. (n.d.). *Al-sharḥ al-kabīr*. Dār al-Fikr.
- Al-Kāsānī, A. B. (1986). *Badā'i' al-ṣanā'i' fī tartīb al-sharā'i'* (Vol. 4). Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Nawawī, Y. S. (1996). *Al-majmū' sharḥ al-muhadhdhab* (Vol. 19). Dār al-Fikr.
- Al-Tirmidhī. (2000). *Sunan al-Tirmidhī*. Dār al-Gharb al-Islāmī.
- Al-Zuhayli, W. (1985). *Al-fiqh al-islāmī wa adillatuhu* (Vol. 7). Dār al-Fikr.
- Augustin, H., & Hedhayattullan, M. (2018). Peran Bahagian Sokongan Keluarga dalam masalah pemenuhan nafkah isteri pasca perceraian (Studi kasus di Mahkamah Tinggi Syariah Kedah, Malaysia). *Media Syari'ah*, 20(1).
- Az-Zuhaili, M. (2009). *Al-mu'tamad fī fiqh Imām Shāfi'ī* (Vol. 4, p. 377; H. M. Yusuf Sinaga & Muhammad Harun Zain, Trans.).
- Bahagian Sokongan Keluarga. (2019, October 22). *Fungsi dan peranan Bahagian Sokongan Keluarga (BSK) dalam memastikan perintah nafkah dilaksana*. Facebook. <https://www.facebook.com/bahagiansokongankeluarga/posts/514747852438386/>
- Bahri, S. (2015). Konsep nafkah dalam hukum Islam. *Kanun: Jurnal Ilmu Hukum*, 382.
- BSK Seksyen Pulau Pinang. (2023, October 26). Facebook. <https://www.facebook.com/bahagiansokongankeluarga/posts/675315424695447/>
- Hakim, A. (2022). Analisis Surah Al-Baqarah ayat 233: Studi tafsir ilmi dan tafsir tematik Kementerian Agama. *Syams: Jurnal Studi Keislaman*, 3, 30.
- Ibn Qudāmah. (1997). *Al-mughnī* (Vol. 9). Dār 'Ālam al-Kutub.
- Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia. (2019). *Arahan amalan Mahkamah Syariah berkaitan Bahagian Sokongan Keluarga*. JKSM.
- Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia. (2019). *Arahan Amalan No. 2 Tahun 2019: Perintah terhadap penghutang penghakiman untuk membayar balik kepada Bahagian Sokongan Keluarga (BSK) wang pendahuluan nafkah yang telah dibayar kepada pemiutang penghakiman dalam kes*

penguatkuasaan dan pelaksanaan perintah nafkah.

- Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Johor. (2020). *Bahagian Sokongan Keluarga*. <https://syariah.johor.gov.my/bsk/>
- Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia. (2023, October 6). *Portal rasmi JKSM*. <http://www.jksm.gov.my>
- MaktabahAlBakri. (2023, October 19). *Hadith Hindun mengambil wang suaminya (#3651)*. <https://maktabahAlBakri.com/3651-hadith-hindun-mengambil-wang-suaminya/>
- Mohd Sabree, N., Mohd Shauqi, S. S., & Mohamad Afandi, M. I. (2020). Hak isteri selepas perceraian menurut undang-undang keluarga Islam di Malaysia: Analisis faktor penghalang memperolehnya. *Journal of Law & Governance*, 3(1), 42–58.
- Muslim. (2006). *Ṣaḥīḥ Muslim*. Dār Ṭayyibah.
- Nik Nur Athirah, N. I., & Mohd Norhusairi, M. H. (2017). Tuntutan hak-hak suami pasca perceraian: Kajian di Mahkamah Syariah Kota Bharu, Kelantan. *Journal of Shariah Law Research*, 2(2), 189–204.
- Nur Syazwani, M. K., & Nur Zulfah, M. A. (2020). Isu tunggakan nafkah: Keperluan penubuhan Bahagian Sokongan Keluarga (BSK). *Journal of Muwafaqat*, 3(1), 38–51. <https://muwafaqat.uis.edu.my/index.php/journal/article/view/16>
- Portal Rasmi Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Johor. (2024). <https://syariah.mypjit.com/Perkhidmatan/>
- Pustaka Dewan Bahasa dan Pustaka. (2017). *Nafkah*. <https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=nafkah>
- Roslina, C. S., Nurhidayah, M. H., & Mohd Na'im, M. (2017). Bahagian Sokongan Keluarga membantu anak selepas perceraian: Keberkesanan, cabaran dan perbandingan dengan amalan negara maju. *Kanun*, 29(2).
- Rozali, I. (2017). Konsep memberi nafkah bagi keluarga dalam Islam. *Intelektualita*, 195.
- Sidang Parlimen. (2017). *Jawapan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat* (No. Soalan 75, Mesyuarat Kedua, Dewan Rakyat Penggal Kelima, Parlimen Ketiga Belas, 26 Julai 2017).
- Sidang Parlimen. (2024). *DR-12122024*.
- Siti Nazratul Ain, S. (2022, September 8). *Fungsi dan peranan Bahagian Sokongan Keluarga (BSK) di Mahkamah Syariah*. Nasional FM.
- Soalan Lazim JAKESS. (2024, December 12). <https://www.jakess.gov.my/soalan-lazim>
- Thariq Abdullah Visra, M. (2023). *Peranan Bahagian Sokongan Keluarga di Malaysia dalam masalah nafkah anak pasca perceraian*.
- Wan Abdul Fattah Wan Ismail. (2018). Penguatkuasaan perintah nafkah di Mahkamah Syariah: Isu dan cabaran. *Jurnal Syariah*, 26(2), 215–238.
- Zainab Ismail. (2016). Bahagian Sokongan Keluarga dan akses keadilan dalam kes nafkah. *Jurnal Hukum*, 40(1), 89–112.
- Zaleha Kamaruddin. (2012). Perlindungan hak wanita dan kanak-kanak dalam undang-undang keluarga Islam di Malaysia. *Jurnal Undang-Undang dan Masyarakat*, 16, 45–62.

- Zulfah, S. (2020). Isu tunggakan nafkah: Keperluan penubuhan Bahagian Sokongan Keluarga (BSK). *Muwafaqat*, 40.
- Zulzaidi, M., Ahmad Hidayat, B., & Afifah, B. (2021). Cabaran penguatkuasaan penghakiman Mahkamah Syariah: Kajian peranan Bahagian Sokongan Keluarga terhadap hak wanita dan kanak-kanak di Sarawak. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(10), 252–267.